**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

**KERATAN AKHBAR**
**23 Nov2021 (Tuesday)**

**Berita Harian**
Kraf bunga tekap jana pendapatan lumayan 1

**Utusan Malaysia**
DAP jangan bergantung orang Cina sahaja Ronnie Liu 2

**Harian Metro**
Mais beri kelonggaran untuk 107 penyewa 3
Talian SELamat terima aduan budak didera 4
Peruntukan RM5.9 juta untuk PDK bantu OKU 5
Bantu usahawan F&B tembusi pasaran asean 6

**Sinar Harian**
Kemenangan BN di Melaka tidak boleh dijadikan kayu ukur PH di Selangor 7
MAIS bantu kurangkan sewa 8
Tujuh syarikat bayar zakat RM20 juta 9

**Didik TV KPM**
Generasi Muda Digesa Tumpu Perhatian Dalam Industri 4.0 10
Program Pembersihan Pantai Terap Nilai Cintakan Alam Sekitar 11

**The Star**
COUNCIL MATTERS 12
Temporary permits for roadside traders 13
MOT has excelled, says Dr Wee 14

**New Straits Times**
LZS DISTRIBUTES FOOD BASKET 15

**BFM89.9**
Would Seek Leave From Federal Court 16

**The Edge CEO Morning Brief**
Berjaya Land to seek leave from the Federal Court on COA decision to cancel Selangor Turf club plan 17

**The Malaysian Reserve**
Pharmaniaga donates to Selangor Zakat Board 18

**Traxx FM (90.3)**
SAS 2021 Will Be Held At Skypark Regional Aviation Center Subang 19

**China Press**
80% non-organic plastics were found in the solid waste cleanup in the Klang River 20

**Sin Chew Daily**
3 restaurants ordered to close after discovering cockroaches and rats 21

**Guang Ming Daily**
Issue 49 temporary licenses to hawkers ; MBPJ: valid for 1 month 22

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

**Makkal Osai**

Launch of Selangor Smart City & Digital Economy Convention 23
Selangor International Business Summit take place in Malaysian Book of Records 24
SJKT Taman Melawati students won in Selangor innovation competition 25

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>23 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Kraf bunga tekap jana pendapatan lumayan |
| Muka Surat | : | 35 |

# Kraf bunga tekap jana pendapatan lumayan



Esiah kreatif menggunakan pelbagai spesies bunga segar untuk dijadikan kraf bunga tekap.

**Kuala Lumpur:** Seni kraf kini bukan sekadar aktiviti mengisi masa lapang, sebaliknya mampu menjana pendapatan lumayan.

Seni kraf tangan yang boleh diusahakan sebagai sumber pendapatan termasuk kraf bunga tekap yang dihasilkan daripada bunga segar dikeringkan dan dibingkaikan sebagai hiasan dinding.

Pelbagai spesies bunga dan daun boleh dijadikan kraf tekap yang cantik kerana ia juga mempunyai penggemarnya yang tersendiri.

Penggiat seni bunga tekap, Esiah Kaimun, 69, antara tenaga pengajar kraf itu sejak beberapa tahun lalu dengan menyediakan bengkel di kediamannya di Kampung Sungai Lang Tengah, Banting.

Katanya, kebanyakan individu yang mengikut latihan itu adalah usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta asnaf dipilih oleh pelbagai agensi termasuk Lembaga Zakat Selangor (LZS), pihak berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan Jabatan Pertanian.

Malah, ada antara agensi ini membantu usahawan PKS dan asnaf terbabit menjual kraf bunga tekap dihasilkan.

"Melalui bengkel yang diadakan, saya berkongsi ilmu dan kemahiran bagi menghasilkan kraf bunga termasuk memilih spesies bunga, mengering dan menyusun dalam bingkai.

"Mereka berjaya menghasilkan sendiri kraf bunga tekap. Malah ada yang semakin mahir dan mampu menjana pendapatan," katanya.

Esiah berkata, tiada sempadan usia untuk menceburi bidang ini, malah beliau mula mempelajari seni kraf itu ketika berumur 50-an dengan mengikuti kursus daripada Jabatan Pertanian.



Sebahagian hasil kraf bunga tekap.

Hasilnya Esiah berjaya menjana pendapatan lumayan dengan titik peluhnya, selain kreativitinya itu turut diminat kerabat diraja termasuk Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah dan selebriti tanah air.

"Selain dibeli individu, ada juga kraf bunga tekap ini dibeli kementerian dan agensi kerajaan untuk dijadikan cenderahati kepada tetamu mereka," katanya.

Menurut pemilik Laman Kraftani itu, pembabitan dalam bidang ini bermula apabila melihat banyak bunga di halaman rumah, membuatkannya terfikir untuk dijadikan seni tekap.

Menariknya, aktiviti itu juga mampu dijadikan terapi menenangkan minda.

"Saya pernah menghadapi tekanan jiwa berikutan masalah peribadi dan ia dapat diatasi apabila aktif menanam bunga di Laman Kraftani," katanya.

Esiah berkata, beliau gemar berkarya ketika berdepan tekanan kerana melalui aktiviti itu ia dapat menenangkan jiwa.

"Apa sahaja berkaitan dengan bunga sebenarnya, boleh memberi terapi kepada mereka yang sedang tertekan.

"Penghasilan seni bunga tekap, pemilihan spesies, warna dan cara menyusun bunga dapat menggambarkan personaliti dan keperibadian seseorang.

"Merah misalnya melambangkan keberanian, manakala biru menunjukkan seseorang gemarkan ketenangan," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | DAP jangan bergantung orang Cina sahaja Ronnie Liu |
| Muka Surat | : | 6 |

# DAP jangan bergantung orang Cina sahaja – Ronnie Liu

**KUALA LUMPUR:** DAP diingatkan tidak terlalu bergantung dengan undi orang Cina semata-mata jika mahu mengekalkan kawasan-kawasan yang dilihat sebagai kubu kuat dalam pilihan raya.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Ahli Jawatankuasa Kebangsaan DAP, Ronnie Liu Tian Khiew berkata, untuk menang lebih banyak kerusi, parti itu seharusnya mampu meyakinkan kaum lain terutama Melayu dan India bahawa DAP mampu mewakili suara masyarakat tersebut.

"Saya mencadangkan supaya DAP tidak terlalu bergantung pada sokongan orang Cina sebaliknya mementingkan semua kaum di negara ini jika mahu menang kerusi lebih banyak pada pilihan raya.

"Kita menang empat kerusi pun kerana bergantung dengan pengundi Cina, kalau tidak, kita takkan menang," katanya ketika dihubungi semalam.

Beliau mengulas keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, Sabtu lalu, yang menyaksikan Barisan Nasional (BN) membentuk kerajaan negeri Melaka dengan majoriti dua pertiga selepas UMNO menang 18 kerusi diikuti MCA (2) dan MIC (1).

PH pula hanya menang lima kerusi iaitu DAP empat kerusi, Parti Amanah Negara (Amanah) (1) dan PKR tewas semua kerusi.

DAP menang empat kawasan iaitu Bandar Hilir, Ayer Keroh, Kesidang dan Kota Laksamana walhal sebelum ini terdapat empat lagi kawasan yang pernah dinaungi parti itu iaitu Duyong, Gadek, Bemban dan Kelebang.

Mengulas lanjut, Ronnie Liu turut mengingatkan supaya PH yang tewas dalam pilihan raya tidak menuding jari kepada pihak lain serta mengakui kekhilafan sepanjang berkempen yang menyebabkan masih ramai pengundi terutama bukan Melayu didakwa enggan keluar mengundi.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>23 November 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Mais beri kelonggaran untuk 107 penyewa |
| Muka Surat | : | 4 |

# Mais beri kelonggaran untuk 107 penyewa

**Shah Alam:** Majlis Agama Islam Selangor (Mais) memberi kelonggaran pengecualian dan pengurangan sewa kepada 107 penyewa premis serta tanah Mais.

Pengecualian berkenaan membabitkan nilai RM1,123,545.90.

Setiausaha Mais, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, ia diberi kepada penyewa premis dan tanah Mais yang terkesan membabitkan peniaga runcit, peniaga industri kecil dan sederhana (IKS) sepanjang Januari sehingga Ogos lalu berikutan penularan Covid-19.

"Mais mengambil inisiatif dengan memberi bantuan pengecualian sewa kepada penyewa didapati terkesan terutama golongan B40, peniaga kecil yang terjejas sumber pendapatan, mereka yang dibuang kerja serta individu hilang punca pendapatan.

"Manakala pengurangan sewaan membabitkan potongan sewa 30 atau 50 peratus diberikan kepada penyewa yang terpilih berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini.

"Mais berharap pengecualian sewaan ini dapat meringankan beban mereka terutama peniaga IKS yang terjejas pendapatan akibat pelaksanaan PKP dan penularan wabak ini," katanya.


DR Ahmad Shahir

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Harian Metro |
| Tajuk Berita | **:** | Talian SELamat terima aduan budak didera |
| Muka Surat | **:** | 10 |

# Talian SELamat terima aduan budak didera

**Shah Alam:** Kes penderaan kanak-kanak antara aduan diterima menerusi Talian SELamat - Talian Hotline Keganasan Rumah Tangga sejak dibuka pada 1 November lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud ***(gambar)*** berkata, kes penderaan kanak-kanak itu satu daripada empat aduan kes keganasan rumah tangga diterima.

"Berdasarkan data dalam tempoh dua minggu pertama, ada 10 panggilan diterima, empat berkaitan keganasan rumah tangga termasuk kes dera kanak-kanak itu.

"Manakala enam yang lain ada bertanya mengenai bantuan kewangan termasuk kerajaan Pusat, bantuan kerajaan negeri, juga vaksinasi.

"Bagi kes penderaan kanak-kanak itu sudah pun dirujuk kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM)," katanyapada Majlis Perasmian Talian SELamat - Talian Hotline Keganasan Rumah Tangga di Perpustakaan Raja Tun Uda, Seksyen 13 di sini, semalam.

Dr Siti Mariah berkata, kerajaan negeri mewujudkan Talian SELamat yang boleh dihubungi di talian 03-6419 5027 pada bila-bila masa oleh sesiapa sahaja yang berdepan masalah keganasan rumah tangga.

"Talian ini 24 jam hari, tujuh hari seminggu untuk rakyat Selangor, khususnya kepada pemandiri yang mengalami atau berdepan keganasan rumah tangga buat aduan.

"Panggilan aduan mereka ini akan terus dijawab oleh kaunselor dan terus beri bantuan..dari perbualan itu kami tahu apa yang diperlukan pemanggil," katanya.



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Peruntukan RM5.9 juta untuk PDK bantu OKU |
| Muka Surat | : | 20 |

# Peruntukan RM5.9 juta untuk PDK bantu OKU

**Seremban:** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Sembilan menyediakan peruntukan RM5.9 juta bagi membolehkan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) beroperasi dan melaksanakan tanggungjawab membantu orang kurang upaya (OKU) di negeri ini, tahun ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, setakat ini terdapat 44 PDK beroperasi membabitkan 1,104 OKU yang dikawal selia 275 sukarelawan.

Beliau berkata, bilangan OKU berdaftar dengan JKM negeri sehingga 30 Oktober lalu seramai 27,892 orang mengikut kategori berbeza.

"PDK bukan saja berperanan sebagai pusat untuk menyediakan tempat tinggal kepada OKU, pada masa sama ia berfungsi sebagai pusat pembelajaran bagi membina kebolehan dan menjana pembangunan mereka.

"PDK melatih OKU dengan pelbagai kemahiran asas untuk menjadikan mereka golongan kuat, aktif dan mempunyai kemahiran serta kebolehan tersendiri.

"Kerajaan negeri akan terus komited membantu PDK untuk memastikan pusat ini dapat berfungsi terutama dalam menyediakan suasana pembelajaran kondusif bagi anak istimewa ini," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

## KERATAN AKHBAR
## 23 November 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Bantu usahawan F&B tembusi pasaran asean |
| Muka Surat | : | 26 |

# Bantu usahawan F&B tembusi pasaran Asean

**Kuala Lumpur:** Invest Selangor Bhd membantu usahawan makanan dan minuman (F&B) menembusi pasaran tempatan dan Asean melalui Program *Supermarket Buyers* 2021 yang julung kali diperkenalkan di bawah Ekspo Antarabangsa Selangor (F&B) 2021.

Exco Industri dan Perdagangan Selangor, Datuk Teng Chang Khim berkata, program itu menawarkan kerjasama strategik dengan kerajaan negeri dalam membantu usahawan F&B untuk menjadi pembekal kepada pasar raya yang mengambil bahagian iaitu Aeon Co (M) Sdn Bhd, Lulu Group Retail Malaysia dan ST Rosyam Mart Sdn Bhd.

"Kerjasama ini diwujudkan supaya Invest Selangor dapat membantu usahawan bagi tiga pasar raya terbesar ini.

"Usahawan berpotensi digalakkan melebarkan perniagaan mereka ke pasaran Asean seperti Vietnam, Indonesia dan Filipina," katanya selepas majlis pertukaran dokumen antara Invest Selangor dan Aeon Co, Lulu Group Retail serta ST Rosyam Mart yang diadakan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, baru-baru ini.

Majlis itu diketuai Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Datuk Hasan Azhari dan disaksikan Teng.

Teng berkata, terdapat kontrak jualan dan pembekalan yang diberikan kepada 10 peserta terpilih yang diputuskan pihak pasar raya berkenaan.

Beliau berkata, pasar raya berkenaan bertanggungjawab ke atas prestasi pembekal sebaik sahaja kontrak jualan dan pembekalan ditandatangani.

"Pasar raya itu juga dikehendaki memberi maklum balas mengenai prestasi pembekal kepada kerajaan negeri melalui Invest Selangor secara berkala," katanya.

Ekspo Antarabangsa Selangor (F&B) edisi ketujuh itu diadakan sempena penganjuran Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2021.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>23 November 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Kemenangan BN di Melaka tidak boleh dijadikan kayu ukur PH di Selangor |
| Muka Surat | : | 3 |

# Kemenangan BN di Melaka tidak boleh dijadikan kayu ukur PH di Selangor

**SHAH ALAM -** Keputusan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang memihak kepada Barisan Nasional (BN) tidak boleh dijadikan kayu ukur dalam menentukan kedudukan Pakatan Harapan (PH) di Selangor pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) nanti.

Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Selangor, Chua Wei Kiat berkata, senario politik antara Melaka dan Selangor adalah berbeza disebabkan tempoh pentadbiran PH di kedua-dua negeri itu.

"PH di Melaka hanya 22 bulan pentadbiran dan merupakan tempoh yang singkat. Tidak mencukupi untuk melaksanakan perubahan dalam program dan dasar untuk lebih mendekati rakyat.


WEI KIAT

"Berbanding di Selangor, kami telah mentadbir negeri ini selama tiga penggal dan membuktikan keupayaan PH untuk mentadbir negeri dengan lebih cekap serta berintegriti," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Mengulas lanjut, Wei Kiat berkata, kemenangan BN itu adalah disebabkan beberapa faktor antaranya jumlah keluar mengundi yang rendah berbanding pada 2018 lalu.

"Ramai yang berkerja di luar Melaka dan tidak balik atau tidak dapat balik untuk mengundi. Ada juga pengundi yang risau dengan penyebaran Covid-19.

"Kalau mengikut undi popular BN dengan 38 peratus manakala PH sebanyak 35 peratus. Angkanya tidak jauh berbeza namun keputusan (menang kerusi) jauh beza," ujarnya.

Namun katanya, PKR mengambil keputusan PRN Melaka sebagai satu peringatan.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | MAIS bantu kurangkan sewa |
| Muka Surat | : | 22 |

# MAIS bantu kurangkan sewa

**SHAH ALAM -** Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) memberi bantuan pengecualian dan pengurangan sewa kepada 107 penyewa premis dan tanah MAIS dengan nilai keseluruhan sewaan sebanyak RM1.12 juta.

Setiausaha MAIS, Dr Ahmad Shahir Makhtar berkata, bantuan tersebut diberikan kepada penyewa-penyewa premis dan tanah MAIS yang terkesan akibat penularan wabak Covid-19 sepanjang Januari sehingga Ogos 2021.

Menurutnya, pengurangan sewaan membabitkan potongan sewa sebanyak 30 atau 50 peratus kepada penyewa-penyewa yang terpilih berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuat kuasa sebelum ini.

"Pihak MAIS berharap dengan pengecualian sewaan ini dapat meringankan beban mereka terutama kepada peniaga-peniaga kecil dan sederhana yang terjejas hasil pendapatan akibat daripada pelaksanaan PKP dan penularan wabak Covid-19," katanya dalam kenyataan, pada Isnin.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 23 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Tujuh syarikat bayar zakat RM20 juta |
| Muka Surat | : | 22 |

# Tujuh syarikat bayar zakat RM20 juta

Zakat perniagaan itu diserahkan kepada Sultan Selangor dalam satu upacara berlangsung di Istana Alam Shah

Oleh NORAFIZA JAAFAR

KLANG

Lembaga Zakat Selangor (LZS) menerima bayaran zakat perniagaan daripada tujuh syarikat korporat berjumlah RM20 juta pada Isnin.

Zakat perniagaan itu diserahkan kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dalam satu upacara berlangsung di Istana Alam Shah, Klang.

LZS dalam satu kenyataan berkata, tujuh syarikat tersebut terdiri daripada UMW Holdings Berhad, Tenaga Nasional Berhad (TNB), Gas Malaysia Berhad, Pharmaniaga Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Northport (Malaysia) Berhad dan Lembaga Juruukur Tanah Malaysia.

Menurut kenyataan itu, UMW Holdings Berhad yang diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ahmad Fuaad Mohd Kenali menyerahkan bayaran zakat perniagaan bagi tahun kewangan 2020 sebanyak RM4.2 juta.

"Ia diikuti TNB yang mewakilkan Pengerusinya, Datuk Seri Hassan Ariffin menunaikan zakat sebanyak RM3.9 juta. Pegawai Eksekutif Kumpulan Gas Malaysia Berhad, Ahmad Hashimi Abdul Manap pula menyerahkan zakat perniagaan RM3.5 juta.

"Pharmaniaga Berhad turut menunaikan zakat sebanyak RM3.5 juta; Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (RM2.07 juta) dan Northport (Malaysia) Berhad (RM1.95 juta)," menurut kenyataan itu pada Isnin.

Tambah kenyataan itu, turut menunaikan zakat perniagaan ialah Lembaga Juruukur Tanah Malaysia berjumlah RM1 juta diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Ismail Harun bagi majlis penyerahan itu.




**Sultan Sharafuddin (kanan) menerima bayaran zakat perniagaan daripada TNB diserahkan oleh Hassan (tengah) pada Isnin.**

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>22 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Didik TV KPM |
| Tajuk Berita | : | Generasi Muda Digesa Tumpu Perhatian Dalam Industri 4.0 |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR**<br>**22 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | **:** | Didik TV KPM |
| Tajuk Berita | **:** | Program Pembersihan Pantai Terap Nilai Cintakan Alam Sekitar |
| Muka Surat | **:** | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | COUNCIL MATTERS |
| Muka Surat | : | 2 |

# COUNCIL MATTERS

> Petaling Jaya City Council has set up mobile counters for business licence renewal for 2022 at 1Utama Shopping Centre on Nov 24 and 25 (11am-5pm); SS2/60 night market on Nov 24 (4pm-8pm), and SS2/61 night market on Nov 29 (4pm-8pm). For details, call 03-7954 1560.

> Selayang Municipal Council will offer a RM10 reduction for parking compounds this month. Payment can be made at the council headquarters and mobile counters or via the FlexiParking and Smart Selangor app. For details, call 03-6126 5800 (Legal Department).

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR**<br>**23 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Temporary permits for roadside traders |
| Muka Surat | : | 2 |



**Selangor**

802 temporary permits issued to legalise roadside hawkers in Petaling Jaya

>2



Forty-one traders along Jalan PJS 2D/1 in Taman Medan received their temporary permits after fulfilling MBPJ's requirements. — Photos: YAP CHEE HONG/ The Star

# Temporary permits for roadside traders

## MBPJ gives them approval to continue trading along Jalan PJS 2D/1 in Taman Medan

By **JADE CHAN**
jade@thestar.com.my

FORTY-ONE traders along Jalan PJS 2D/1 in Petaling Jaya received temporary permits from mayor Mohamad Azhan Md Amir during a visit to Taman Medan.

He said the temporary permits by Petaling Jaya City Council (MBPJ) was to assist residents affected by the Covid-19 pandemic and for the city council to manage traders at designated sites.

A total of 155 lots were available for Jalan PJS 2D/1, he said, but only 41 permits were issued as these traders were able to fulfil the requirements.

MBPJ said in a statement that each trading lot measured 8ft x 8 ft (2.4m x 2.4m).

There are three sessions a day — from 6am to 10am, 11am to 5pm and 6pm to midnight.

The temporary permit is renewable monthly for a maximum of three months.

Each lot costs RM40 per session.

Mohamad Azhan said traders could request for an extension and MBPJ would study them on a case-by-case basis.

"We may allow traders to continue if their performance is satisfactory, no complaints were lodged on their businesses and if locals welcome their services," he said, adding that the application could be done over the counter at MBPJ's office or online.

Mohamad Azhan added that traders were told to be mindful of hygiene and safety, and to hire only locals as workers.

"MBPJ's enforcement team will monitor the traders to ensure they comply with the regulations and not abuse their permits.

"Action can be taken if traders are found to breach their permit conditions," he said.

Mohamad Azhan said MBPJ had to date issued a total of 802 temporary permits.

These included 249 temporary permits issued between June and October this year at various locations across 14 zones in the city.

MBPJ Licensing Department director Sharinaz Samsudin said to apply or renew a temporary permit, traders had to be Malaysians with no outstanding compounds with MBPJ.

"Those with outstanding compounds have to settle them first before MBPJ will consider their application," she said, adding that they were also responsible for cleanliness and rubbish disposal at their trading spaces.



Mohamad Azhan handing over a temporary permit to a Jalan PJS 2D/1 trader as Petaling Jaya deputy mayor Sharipah Marhaini Syed Ali looks on.

"These permits are temporary. The traders have to be prepared to relocate if MBPJ wants to widen the road," she added.

Egg seller Nur Rashidah Johan, 37, expressed relief at finally having a temporary permit after several unsuccessful attempts.

"I applied about three times but was turned down because the location was deemed unsuitable," said the Taman Medan resident, who added that she was fined RM250 each time enforcement officers took action against her.

Flat Desaria resident Abdul Wahab Mohd Yusof, 63, who sells *petai* sourced from Cameron Highlands, said business improved on weekends.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

| **KERATAN AKHBAR** | | |
|---|---|---|
| **23 November 2021** | | |
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | MOT has excelled, says Dr Wee |
| Muka Surat | : | 7 |

# MOT has excelled, says Dr Wee

## Impressive progress charted in land, air and sea transportation sectors

**KUALA LUMPUR:** The Transport Ministry has made impressive achievements in the land, maritime and air transport sectors within the first 100 days of "Aspirasi Keluarga Malaysia" (AKM) or Malaysian Family Aspirations.

Minister Datuk Seri Dr Wee Ka Siong said the ministry carried out its 100-day AKM tasks smoothly and stepped up its responsibilities since Sept 1 to ensure that it achieves its three key performance indicators (KPIs).

"To boost the gross domestic product (GDP) and national income, we have to solve all the backlog – this is a big challenge, and I set a target of RM3.53bil.

"Within the first eight months of 2021, we obtained monthly revenue collection of RM292.5mil per month, but my target is to reach RM400mil per month within 100 days from today.

